



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**

**UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

### **395 PEMILIK UNIT PERUMAHAN AWAM SERI LABUAN MILIKI NILAI HARTANAH TINGGI DI RESIDENSI RAZAKMAS 2**

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) komited dan prihatin terhadap hal-hal kebajikan warga Wilayah Persekutuan sehingga berjaya menangani dan menyelesaikan masalah perumahan usang serta tidak ekonomik di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang sudah tertanggung begitu lama. Komitmen ini dibuktikan menerusi Pelaksanaan Pembaharuan Semula Kuala Lumpur (*Urban Renewal*), yang melibatkan pembangunan semula flat usang berusia melebihi 40 tahun terutama perumahan-perumahan awam dan perumahan kos rendah swasta di beberapa lokasi sekitar Kuala Lumpur. Manfaatnya, bukan sahaja dapat meningkatkan kesejahteraan penduduk bandar, bahkan penduduk juga mendapat rumah gantian yang lebih selesa dan berkualiti dengan kemudahan yang mencukupi.

Seramai 395 pemilik unit Perumahan Awam Seri Labuan menarik nafas lega apabila mendapat gantian satu (1) unit secara percuma di Residensi Razakmas yang disampaikan oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, hari ini. Manakala, 245 penyewa PA Seri Labuan diberi keutamaan membeli Residensi Razakmas2 pada harga RM198,000.00 yang jauh lebih rendah daripada harga pasaran semasa. Penantian penduduk PA Seri Labuan yang hampir 10 tahun menunggu kediaman baharu terbela apabila Kementerian dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membeli unit-unit kediaman Razakmas2 untuk diberikan kepada pemilik unit PA Seri Labuan secara percuma. Penduduk PA Seri Labuan yang menduduki rumah berkeluasan 400 hingga 528 kaki persegi dengan hanya satu atau dua bilik tidur sahaja, meluahkan rasa syukur dan gembira apabila Residensi Razakmas2 yang bakal didiami ini bukan sahaja luas, selesa dan moden malah turut dilengkapi pelbagai kemudahan berbanding rumah lama.

Inisiatif Pembaharuan Semula Kuala Lumpur oleh Kementerian Wilayah Persekutuan, memberi sinar baharu kepada penduduk dan semua pemilik unit mendapat rumah berkeluasan 805 kaki persegi dilengkapi tiga (3) bilik tidur dan dua (2) bilik air. Ia turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti tempat letak kereta yang teratur dan berbumbung, dewan serbaguna dan taman permainan dengan nilai pasaran semasa sekitar RM300,000. Kesemua rumah yang dibeli oleh penduduk adalah di antara RM21,000 hingga RM28,000 tetapi nilai hartanah mereka kini telah meningkat 10 kali ganda berbanding harga asal pembelian.

Pembangunan Semula Kuala Lumpur ini diteruskan dengan melibatkan kawasan PA Seri Melaka, PA Seri Johor, PA Seri Pulau Pinang dan PA Ikan Emas bagi membolehkan penduduk memiliki rumah baharu ekoran rumah yang didiami sekarang semakin uzur dan tidak selesa. Pemilik-pemilik unit tersebut diberikan unit gantian percuma yang jauh lebih kondusif dan berdaya huni. Pembangunan bandaraya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan terus menumpukan kepada kesejahteraan warga kota, kualiti hidup, kesaksamaan, kemampuan serta sektor ekonomi yang berdaya saing bagi mentransformasi Kuala Lumpur sebagai BANDAR UNTUK SEMUA pada tahun 2040 dan menyediakan perkhidmatan bandar, kemudahan awam, infrastruktur dan utiliti yang lengkap dan berkualiti untuk keselesaan dan keselamatan penduduk.

**Tan Sri TPr. Annuar Hj Musa**  
**Menteri Wilayah Persekutuan**  
**26 Mac 2021**